

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU KOLEJ KOMUNITI

EDISI SARAWAK



Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu Kolej Komuniti diterbitkan oleh Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Kuching.

Hakcipta Terpelihara ©2016 Kolej Komuniti Kuching

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada **Pengarah, Kolej Komuniti Kuching, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Lot 3563, Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching, Sarawak.**

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan

ISBN : 978-967-10927-2-9

Diterbitkan oleh:

Kolej Komuniti Kuching
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
Lot 3563 Jalan Sultan Tengah
93050 Kuching
Sarawak.

JAWATANKUASA PENERBITAN
BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU KOLEJ KOMUNITI
(EDISI SARAWAK)

PENGERUSI
EN.SHUDERMAWAN B. JARUMAN
PENGARAH KOLEJ KOMUNITI KUCHING

TIM. PENGERUSI I
EN. MOHD SANI B AZIZAN
TINBALAN PENGARAH PENGURUSAN

TIM. PENGERUSI II
PUAN HAMIDAH BT MOHAMMAD YUNUS
TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK

KETUA PENULIS
PUAN NORSHAFIZA ZAKARIA
PEGAWAI PEMBANGUNAN PELAJAR

PENULIS
PUAN EMIRUDZIAWATI BT JUNI
PUAN NURUL DAFIQAH BT KAMARULZAMAN
PUAN KANI AK LINYAW

PEREKA GRAFIK
PUAN MIRA FAIZURA NARAWI
PUAN BETTY AK TAJAI
EN. MOHAMMAD SYAH B AHMAD KIFRAWI

PEREKA APLIKASI ANDROID
PUAN SHIRLEY AK PHILLIP

PEMBACA PRUF
PUAN SHAFRINE BT MOHAMAD MORSHIDI
PUAN NORALIA BT HARUN

AJK TERBITAN
CIK ALINDA AK MISION
EN. MOHD. ALIFF SAFUAN B JAMALUDDIN
EN. AHMAD KHAIDIR B. MOHAMED
PN. NOR SHAHURULNESMA BT HUSAIN

SELAMAT DATANG KE KOLEJ KOMUNITI

Tahniah dan syabas atas kejayaan anda dipilih untuk menyertai dan melanjutkan pengajian ke Kolej Komuniti. Kami warga Kolej Komuniti mengalu-alukan kedatangan anda ke Kolej Komuniti. Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu ini adalah sebagai rujukan dan panduan lengkap kepada para pelajar baharu bagi memudahkan proses pendaftaran pelajar.

Semua calon perlu melengkapkan semua borang-borang pendaftaran yang berkaitan yang telah dilampir bersama-sama buku panduan ini dan dibawa pada hari pendaftaran. Sekiranya calon pelajar mempunyai sebarang kemasukan sila hubungi Unit Pengambilan Kolej Komuniti yang ditawarkan.

Buku panduan ini dihasilkan adalah bagi memudahkan pelajar baharu yang bakal mendaftar di Kolej Komuniti Kuching pada hari pendaftaran kelak. Buku ini telah dimurnikan daripada Buku Panduan Pendaftaran Baharu 2016 yang telah diterbitkan oleh Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti mengikut keperluan Kolej Komuniti Negeri Sarawak.

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Pendaftaran Pengajian	1-2
2.0	Pakaian Dan Rupa Diri	3
3.0	Kuliah	3
4.0	Aktiviti Ko Kurikulum Dan Sukan	3
5.0	Tatacara Sahsiah Rupa Diri Pelajar Yang Diluluskan	4
6.0	Kemudahan Tempat Tinggal	5
7.0	Permohonan Pas Pelajar	6
8.0	Bantuan Kewangan	7
9.0	Peraturan Penilaian Dan Peperiksaan	8-10
10.	LAMPIRAN	

Lampiran 1 : Borang-Borang Pendaftaran (BHHP 1-6)

Lampiran 2 : Borang Pendaftaran Asrama

Lampiran 3 : Borang Permohonan Dokumen Perjalanan Terhad

Lampiran 4 : Borang Permohonan Bantuan Kewangan

1.0 PENDAFTARAN

- Anda dikehendaki hadir untuk melapor diri sebagai pelajar Kolej Komuniti Kuching seperti di dalam **SURAT TAWARAN**.
- Semakan dokumen asal akan dilakukan pada hari pendaftaran. Sila bawa semua dokumen **ASAL** yang dikehendaki pada hari pendaftaran.
- KPT berhak menarik balik tawaran pengajian di Kolej Komuniti Kuching sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan kepada KPT semasa membuat pemohonan.
- Sila lengkapkan semua borang yang terdapat di dalam **BUKU PANDUAN PENDAFTARAN** ini sebelum diserahkan semasa hari pendaftaran.
- Sila bawa enam (6) keping gambar warna yang terbaru berukuran pasport. Semua pelajar hendaklah berpakaian formal dan sopan serta berambut pendek (lelaki sahaja). Sila catatkan Nama, No. Kad Pengenalan dan program anda di belakang setiap keping gambar.

1.1 PENDAFTARAN PENGAJIAN

Semua calon pelajar adalah dikehendaki untuk melengkapkan Borang-Borang Pendaftaran (BHHP 1-6) **Rujuk Lampiran 1**.

Borang-borang yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut :

BIL	BORANG	CATATAN
1.	BHHP 1 Borang Maklumat Peribadi Pelajar	Sila lekatkan gambar terbaru berukuran pasport
2.	BHHP 2 Laporan Pemeriksaan Kesihatan	Perlu dibuat di Poliklinik atau Hospital Kerajaan/Swasta serta ditandatangani oleh Doktor bertauliah
3.	BHHP 3 Ikrar Pelajar dan lepas Tanggung	Perlu ditandatangani oleh ibu bapa/penjaga dan saksi
4.	BHHP 4 Kebenaran Ibubapa / Penjaga untuk rawatan pembedahan	Perlu ditandatangani oleh calon pelajar, ibubapa/ penjaga dan saksi
5.	BHHP 5 Akuan Pelajar & Akuan ibubapa/penjaga	Perlu ditandatangani oleh calon pelajar, ibubapa/ penjaga dan saksi
6.	BHHP 6 Aku Janji Pelajar	Perlu ditandatangani oleh calon pelajar dan saksi

Kesemua borang hendaklah **LENGKAP** dan perlu dikemukakan pada hari pendaftaran pelajar baharu.

Untuk **SAKSI**, sila dapatkan pengesahan, cop dan tandatangan **Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, semua pegawai kerajaan Gred 41 dan ke atas Kementerian/ Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah/ Badan Bekanun. Penggawa / Penghulu/ Temengung / Ketua Kampung/ Tuai Rumah/ Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kmapung (JKKK) / Ketua Kaum/ Ketua Masyarakat/ Penyelia Pembangunan Mukim (PPM).**

1.2 TATACARA PEMBAYARAN YURAN

BIL	PERKARA	BAYARAN (RM)	CARA BAYARAN
1.	Yuran Pengajian Sijil Kolej Komuniti (Satu Semester)	200.00	Bayaran tunai di kaunter Yuran Pelbagai semasa pendaftaran.
2.	Bayaran Yuran Pelbagai - Insurans pelajar - Kad pelajar - Baju – T kolej Komuniti Kuching - Baju Koperat Kolej Komuniti Kuching - Makan dan minum minggu MSK - Bayaran Maskom - Bayaran Kukourikulum - Koperasi - Perpustakaan	230.00	Bayaran tunai di kaunter Yuran Pelbagai semasa pendaftaran.
3.	Segala Perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar		

NOTA:

1. Semua bayaran yang dinyatakan perlu dibawa dan dijelaskan semasa hari pendaftaran. (**JANGAN DIPOS**)
2. Sila catatkan nama, no. kad pengenalan dan program anda di belakang setiap keping Kiriman Wang/ Wang Pos. **SEMUA PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda berhenti/tangguh pengajian di Kolej Komuniti.

2.0 PAKAIAN DAN RUPA DIRI

Semasa Hari Pendaftaran

- Pelajar lelaki dikehendaki memakai baju kemeja dan seluar slack berwarna gelap.
- Pelajar perempuan dikehendaki memakai baju kurung dan bertudung bagi yang beragama Islam atau berpakaian sopan bagi yang bukan Islam.
- Semua pelajar diwajibkan memakai kasut bertutup dan sarung kaki.
- Topi, baju-T, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan adalah **DILARANG**.

Semasa Program Suai kenal

- Semua pelajar baharu **DIWAJIBKAN** mengikuti Program Suai Kenal sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kolej Komuniti Kuching. Sepanjang tempoh program ini pelajar akan mengikuti aktiviti-aktiviti seperti majlis perasmian, taklimat, sukan, riadah, aktiviti kerohanian dan lain-lain aktiviti berkaitan. Pelajar diminta memakai pakian yang bersesuaian dengan aktiviti di atas.

3.0 KULIAH

Pelajar dikehendaki menghadiri kuliah/tutorial/bengkel atau lain-lain pengajaran berhubung dengan program pengajiannya dan MESTILAH:

- Kehadiran tidak kurang 80%.
- Berada dalam bilik kuliah/ tutorial/bengkel tepat pada masa dan mengikut jadual.
- Mendapat kebenaran pensyarah untuk meninggalkan kuliah/tutorial/bengkel.

4.0 AKTIVITI KOKURIKULUM DAN SUKAN

Pelajar dikehendaki untuk menyertai dan mengikuti aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak Kolej Komuniti Kuching sepanjang tempoh pengajian. Semua penglibatan pelajar akan direkodkan dalam Sistem E-testimoni pelajar.

NOTA: SEPANJANG MENGIKUTI PENGAJIAN PELAJAR ADALAH TERTAKLUK KEPADA BUKU PANDUAN & PERATURAN KOLEJ KOMUNITI SERTA AKTA 174 (AKTA INSTITUSI)

5.0 TATACARA SAHSIAH RUPA DIRI PELAJAR YANG DIBENARKAN

TATACARA SAHSIAH RUPA DIRI PELAJAR LELAKI YANG DIBENARKAN

- Rambut panjang dan tidak kemas / berfesyen / berekor @ diwarnakan
- Baju tidak di "tuck in" ke dalam seluar.
- Tidak memakai baju kebangsaan dengan lengkap.
- Memakai seluar jeans / denim @ corduroy tidak berwarna hitam.
- Memakai selipar / terompah @ capal.
- Memakai perhiasan seperti cincin / rantai / gelang / subang dan sebagainya.
- Tidak memakai Kad Pelajar semasa berada di kawasan kampus.
- Memakai Kad Pelajar yang telah tamat tempoh.

TATACARA SAHSIAH RUPA DIRI PELAJAR WANITA YANG DIBENARKAN

- Memakai pakaian ketat / jarang / pendek / nipis@berbelah
- Memakai pakaian yang mendedahkan bahagian dada / bahu / belakang dan menampakkan mana-mana bahagian badan.
- Rambut panjang dan tidak kemas / berfesyen / berekor @ diwarnakan.
- Bertumit tinggi / runcing / berladam logam yang berbunyi bising.
- Memakai solekan dan barang kemas yang berlebihan.
- Tidak memakai Kad Pelajar semasa berada di kawasan kampus.
- Memakai Kad Pelajar yang telah tamat tempoh.

6.0 KEMUDAHAN TEMPAT TINGAL

- Kolej Komuniti **TIDAK** menyediakan penginapan/asrama. Walaubagaimana pun, Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti yang menawarkan pengajian kepada anda akan membantu anda untuk mendapatkan tempat tingal bedekatan kolej komuniti. Mohon merujuk kepada Pegawai Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Kuching.

6.1 PEMOHONAN ASRAMA BAGI KOLEJ KOMUNITI KUCHING SAHAJA

- Kolej Komuniti Kuching telah mendapat persetujuan daripada pihak pengurusan asrama Kolej Multimedia untuk membenarkan pelajar Kolej Komuniti Kuching mendiami asrama tersebut.
- Pelajar yang mohon untuk mendiami asrama **WAJIB** untuk mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Kolej Komuniti Kuching dan pihak Asrama Kolej Multimedia.
- Pelajar **WAJIB** untuk mengisi Borang Pemohonan Asrama yang telah dilampirkan dan menandatangani Borang Aku Janji Asrama.

Sila bawa dokumen berikut bagi pemohonan asrama:

- i. 1 salinan Mykad pemohon.
- ii. 1 salinan Mykad Ibumapa/penjaga
- iii. 2 keping gambar berukuran passport.
- iv. Borang Asrama (**rujuk lampiran 2**)

6.2 TATACARA BAYARAN YURAN ASRAMA

BIL	PERKARA	BAYARAN (RM)	CARA BAYARAN
1.	Yuran Asrama <ul style="list-style-type: none">• Deposit (semester 1 sahaja)• Bayaran semester (Bilik Double) Atau • Bayaran 1 Semester (Bilik Single)	100.00 400.00 600.00	Bayaran secara tunai pada hari pendaftaran.

Nota : Bayaran balik deposit akan dibuat setelah pelajar tidak mendiami asrama dan pihak pengurusan Asrama Kolej Multimedia mengesahkan tiada sebarang kerosakan atau tunggakkan bayaran bulanan. Tuntutan bayaran balik deposit melalui Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Kuching.

7.0 PEMOHONAN PAS PELAJAR

Pelajar dari Semenanjung, Sabah dan Labuan **DIWAJIBKAN** untuk membuat permohonan Pas Pelajar jika belajar di Sarawak.

7.1 TATACARA PEMOHONAN PAS PELAJAR

1. Pemohonan Dokumen Perjalanan Terhad (Sila uruskan di Jabatan Imigresen berhampiran kediaman anda sebelum mendaftar di Kolej Komuniti Kuching) dengan dokumen di bawah :
 - a. 2 Keping Gambar berukuran pasport
 - b. Kad pengenalan asal berserta 1 salinan
 - c. Sijil lahir asal berserta 1 salinan
2. Pemohonan Pas Pelajar akan diuruskan oleh Unit Pembangunan Pelajar, Kolej Komuniti Kuching. Sila sediakan dokumen berikut :
 - a. 2 Keping gambar berukuran passpaort
 - b. 1 salinan surat tawaran pengajian di Kolej Komuniti Kuching
 - c. 1 salinan kad pengenalan
 - d. 1 salinan Dokumen Perjalanan Terhad dari muka surat yang tertera no Dokumen Perjalanan Terhad sehingga muka surat yang terdapat cop masuk imigresen.
 - e. Isi Borang Permohonan Pas Pelajar (dapatkan di Unit Pembangunan Pelajar)
 - f. Borang Butiran Penaja Tempatan Pemohon (dapatkan di Unit Pembangunan Pelajar)

Nota : Rujuk **Lampiran 3** bagi contoh borang-borang yang perlu diisi.

8.0 BANTUAN KEWANGAN

- Kolej Komuniti Kuching **TIDAK** menjamin sebarang bantuan biasiswa/pinjaman kewangan kepada pelajar. Tawaran biasiswa/pinjaman adalah **DI LUAR BIDANG KUASA KOLEJ KOMUNITI** dan pelajar dinasihatkan untuk membuat pemohonan kewangan melalui agensi / jabatan seperti berikut :
 - Yayasan Sarawak (Pelajar Sarawak sahaja)
 - Baitulmal Sarawak (Pelajar Muslim sahaja)
 - Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK)
 - Bantuan Kewangan Orang Kelainan Upaya (Pelajar OKU sahaja)
- Pelajar yang layak memohon bantuan kewangan dikehendaki membawa dokumen berikut:
 - i. 1 salinan Mykad pemohon
 - ii. 1 salinan Mykad Ibubapa kandung.
 - iii. 1 salinan surat tawaran kemasukan pemohonan ke Kolej Komuniti Kuching.
 - iv. 1 salinan slip keputusan SPR/PMR/SPM/SPMV
 - v. 1 Salinan sijil lahir pelajar
 - vi. 1 salinan sijil berhenti sekolah
 - vii. 1 salinan sijil kematian ibu/bapa sekiranya meninggal dunia.
 - viii. 1 salinan sijil surat cerai sekiranya ada.
 - ix. 1 salinan slip gaji/penyata cukai ibubapa/penjaga. Sekiranya bekerja sendiri sila isi **BORANG PENGESAHAN PENDAPATAN** ibubapa/penjaga yang disahkan oleh Penghulu/ketua kampung/ Pesuruhjaya sumpah/ Pegawai Daerah/
 - x. 1 salinan kad OKU pelajar/ibubapa/penajaga sekiranya ada.
 - xi. Borang isi tanggung ibubapa/penjaga
 - xii. Borang Pemohonan BKPKK

NOTA: sila dapatkan pengesahan, cop dan tandatangan **Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, semua pegawai kerajaan Gred 41 dan ke atas Kementerian/ Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah/ Badan Bekanun. Penggawa / Penghulu/ Temengung / Ketua Kampung/ Tuai Rumah/ Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kmapung (JKKK) / Ketua Kaum/ Ketua Masyarakat/ Penyelia Pembangunan Mukim (PPM).**

9.0 PERATURAN PENILAIAN & PEPERIKSAAN

9.1 Peraturan Am Kaedah Penilaian

9.1.1 Mendaftar Kursus / LA

- 9.1.1.1 Pelajar yang telah mendaftar semester / modul dikehendaki mendaftar tiap – tiap kursus / LA yang diambil melalui pensyarah kelas dalam tempoh satu (1) minggu selepas pendaftaran semester / modul.
- 9.1.1.2 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus / LA yang mempunyai pra syarat, sekiranya pelajar belum lulus kursus / LA yang menjadi pra syarat bagi kursus / LA tersebut.
- 9.1.1.3 Pelajar perlu mendapat pengesahan TPA / Ketua Program sebelum mendaftar
- 9.1.1.4 Pelajar bertanggungjawab untuk menyemak senarai kursus / LA yang telah didaftarkan dengan teliti.
- 9.1.1.5 Pelajar yang telah mendaftar kursus / LA berkenaan hendaklah mengikuti sepenuhnya aktiviti pembelajaran bagi kursus / LA tersebut.
- 9.1.1.6 Pindaan pendaftaran kursus / LA hendaklah diselesaikan pada minggu ketiga (3) perkuliahan dengan mendapat kebenaran Timbalan Pengarah Akademik.
- 9.1.1.7 Borang pendaftaran kursus / LA akan dikeluarkan selewat-ewatnya pada minggu ketiga semester / modul berkenaan kepada pelajar melalui pensyarah kelas.
- 9.1.1.8 Satu salinan borang pendaftaran kursus hendaklah diserahkan kepada Timbalan Pengarah Akademik, Unit Peperiksaan dan Fail pelajar.

9.2 Syarat – syarat untuk menduduki peperiksaan

9.1.2 Pelajar hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut sebelum dibenarkan menduduki sebarang peperiksaan :

9.1.2.1 Telah mendaftar semester / modul.

9.1.2.2 Telah mendaftar kursus / LA

9.1.2.3 Telah menghadiri 80% atau lebih jam pertemuan bagi jangka masa yang ditetapkan kecuali telah mendapat kebenaran Timbalan Pengarah Akademik dan Ketua Program. Bagi pelajar yang sakit hendaklah mengemukakan Surat Akuan Doktor. Surat akuan doktor swasta adalah terhad kepada 2 hari berturut-turut dan tidak melebihi 8 hari setiap semester / modul.

9.1.2.4 Membawa kad pelajar dan slip menduduki peperiksaan.

Peratus kehadiran pelajar dikira seperti berikut :

$$\% \text{ Kehadiran} = \frac{\text{Jumlah Hadir}}{(\text{Jumlah Patut Hadir})} \times 100$$

9.3 SISTEM GRED

- 9.3.1 Semua markah yang diperolehi oleh pelajar bagi sesuatu kursus / LA akan dinyatakan dalam bentuk gred seperti di Jadual 1.

Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90-100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80-89	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.67	
70-74	B+	3.33	Kepujian
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.67	
55-59	C+	2.33	Baik
50-54	C	2.00	
47-49	C-	1.67	
44-46	D+	1.33	Lulus Bersyarat
40-43	D	1.00	
0-39	F	0.00	Gagal

Pelajar yang mendapat Lulus Bersyarat (LB) perlu menebus kursus / LA untuk mendapat HPNM bersamaan atau lebih 2.00 bagi tujuan penganugerahan sijil.

- 9.1.2 Pelajar yang tidak memenuhi keperluan penilaian dan peperiksaan dengan kebenaran atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan diberi gred TL (Tidak Lengkap).
- 9.1.3 Pelajar yang mendapat gred TL akan diberi gred baru setelah melengkapkan aktiviti penilaian dan peperiksaan yang diberikan dalam tempoh masa yang dibenarkan.
- 9.1.4 Pelajar dibenarkan menebus gred (TG) tebus gred sekali sahaja bagi kursus / LA yang mendapat Lulus Bersyarat untuk memastikan HPNM bersamaan atau lebih dari 2.00.

9.5 SISTEM NILAIAN MATA

- 9.5.1 Sistem penilaian Kolej, Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi adalah berdasarkan kepada penilaian formatif dan sumatif prestasi pelajar di dalam sesuatu kursus / LA dan diterjemahkan dalam bentuk Sistem Nilaian Mata.
- 9.5.2 Mengikut Sistem Nilaian Mata, skor atau mata bagi sesuatu kursus / LA dibahagikan kepada beberapa kumpulan seperti di Jadual 1. Satu ukuran prestasi akan digunakan bagi menetapkan Purata Nilai Mata (PNM) atau "Grade Point Average (GPA)" dan juga "Cummulative Grade Point Average" (CGPA) di mana PNM dan HPNM dihitung seperti berikut :

$$\text{PNM} = \frac{\text{Jumlah SEMUA Mata Kredit yang diperolehi di dalam sesuatu semester / modul}}{\text{Jumlah SEMUA Jam Kredit yang diambil di dalam semester / modul tersebut}}$$

$$\text{HPNM} = \frac{\text{Jumlah SEMUA Mata Kredit yang diperolehi hingga kini}}{\text{Jumlah SEMUA Jam Kredit yang diambil hingga kini}}$$

- 9.5.3 Status pencapaian akademik pelajar ditentukan pada setiap semester / modul dengan menggunakan Purata Nilai Mata seperti di dalam Jadual 2 berikut :

PENCAPAIAN	STATUS AKADEMIK
3.67 – 4.00	Cemerlang
3.00 - < 3.67	Kepujian
2.00 - < 3.00	Baik
1.00 – < 2.00	Lulus Bersyarat
< 1.00	Gagal

LAMPIRAN- 1

BORANG-BORANG PENDAFTARAN

(BHHP 1-6)

**NOTA: PASTIKAN SEMUA BORANG-BORANG DIISI
DENGAN LENGKAP**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BORANG-BORANG PENDAFTARAN

(BHHP1 – BHHP6)

ARAHAN:

1. Lengkapkan **SEMUA** borang dengan sempurna.
 2. Susun mengikut tertib dan bawa borang-borang pendaftaran ini pada Hari Pendaftaran.

NAMA PELAJAR

No. KP: _____

**BORANG MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**LEKATKAN
GAMBAR
BERWARNA
TERKINI
BERUKURAN
PASPORT**

MAKLUMAT PELAJAR			
Nama Pelajar (seperti dalam KP)			
No. Kad Pengenalan			
Tarikh Lahir		Jantina	
Bangsa		Agama	
Status	Bujang / Kahwin / Duda / Janda		
Bilangan adik-beradik			
No. Telefon			
Alamat Surat Menyurat			
Alamat E-Mel			
Jenis Penyakit Pernah / Sedang Dihidapi (Jika Ada)			

MAKLUMAT IBUBAPA / PENJAGA

Nama Ibubapa / Penjaga (seperti dalam KP)			
No. Kad Pengenalan			
No. Telefon (Bimbit / Rumah)		No. Telefon (Pejabat)	
Pekerjaan			
Tempat Bekerja / Syarikat / Organisasi			
Pendapatan Sebulan (RM)			
Alamat Surat Menyurat			
Alamat E-Mel			

MAKLUMAT WARIS SELAIN IBU BAPPA / PENJAGA

Nama Waris (seperti dalam KP)			
No. Kad Pengenalan			
Hubungan			
No. Telefon (Bimbit / Rumah)		No. Telefon (Pejabat)	
Pekerjaan			
Tempat Bekerja / Syarikat / Organisasi			
Pendapatan Sebulan (RM)			
Alamat Surat Menyurat			
Alamat E-Mel			

LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN
REPORT OF MEDICAL EXAMINATION

(Pemeriksaan boleh dijalankan/dilakukan di hospital kerajaan atau swasta)

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PELAJAR Section A : Personal Details			
Nama Pelajar (seperti dalam KP)			
No. Kad Pengenalan			
Tarikh Lahir		Jantina	
Bangsa		Agama	
Program Pengajian di Kolej Komuniti			
Nama Ibum / Penjaga (seperti dalam KP)			
No. Telefon Pelajar		No. Telefon Ibum / Penjaga	
Alamat Surat Menyurat			

BAHAGIAN B: PENGAKUAN PERIHAL PENYAKIT SENDIRI & KELUARGA * Sila tandakan (/) dalam kotak berkenaan Section B : Health Declaration * Please (/) in appropriate column			
JENIS PENYAKIT Type of illness	SENDIRI Self	KELUARGA Family	Sekiranya ADA, nyatakan rawatan yang diterima If "YES", please state details
Penyakit Teruk <i>Serius Illness</i>			
Pembedahan <i>Surgery</i>			
Batuk Kering <i>Tuberculosis</i>			
Kencing Manis <i>Diabetes</i>			
Penyakit Otak <i>Mental Illness</i>			
Lelah <i>Asthma</i>			
Alahan <i>Alergy</i>			
Penagihan Dadah <i>Drug Addiction</i>			
HIV <i>AIDS</i>			
Kaser <i>Cancer</i>			

Buah Pinggang <i>Kidney Disease</i>			
Jantung <i>Heart Diseases</i>			
Gastrik <i>Gastric</i>			
Tirod <i>Thyroid Diseases</i>			
Migrain <i>Migraine</i>			
Sawan <i>Epilepsy</i>			
Kecacatan Anggota <i>Deformities</i>			
Lain-Lain Penyakit <i>Others</i>			

PENGAKUAN PEMOHON
Declaration of Applicant

Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di Bahagian A dan Bahagian B adalah benar.
I hereby certify that the above information is true and complete.

.....
 (Tandatangan Pemohon)
Signature

Tarikh:
Date

BAHAGIAN C: UNTUK DILENGKAPKAN OLEH DOKTOR PEMERIKSA
To be completed by the Examining Doctor

PEMERIKSAAN UMUM / GENERAL EXAMINATION

Tinggi <i>Height (cm)</i>		Berat <i>Weight (kg)</i>	
Nadi <i>Pulse (per minute)</i>		Tekanan Darah <i>Blood Pressure (mmHg)</i>	

PEMERIKSAAN ANGGOTA TUBUH / EXAMINATION OF BODY FIGURE

Jenis Pemeriksaan <i>Types of Examining</i>	Kanan <i>Right</i>	Left <i>Kiri</i>	Catatan <i>Statement</i>
Penglihatan mata tanpa kacamata <i>Unaided vision</i>			
Penglihatan dengan kacamata <i>Aided vision</i>			
Fundoscopy			
Rabu Warna <i>Colour Blindness</i>			

JENIS PEMERIKSAAN

Type of Examining
NORMAL

NORMAL

ABNORMAL

CATATAN
Statement

Pemeriksaan Telinga <i>Examination of Ears</i>			
Ruang Mulut <i>Oral Cavity</i>			
Jantung <i>Heart</i>			
Sistem Respiratori <i>Respiratory System</i>			
X – Ray * Filem X- Ray tidak perlu dibawa pada hari pendaftaran			
Abdomen & Rongga Hernia <i>Abdomen and Hernial Orifices</i>			
Sistem Saraf <i>Nervous System</i>			
Organ Penghadaman <i>Digestive Organ</i>			
Keadaan & Kecerdasan Otak <i>Mental Condition & Intelligence</i>			
Rangka Tulang & Sendi <i>Skeleton Bones & Joints</i>			
Kulit <i>Skin</i>			
Kecatatan <i>Deformities</i>			
Sistem Muskuloskeletal <i>Musculoskeletal System</i>			

Pemeriksaan Air Kencing <i>Examination of Urine</i>																	
a) Gula / Sugar																	
b) Albumin																	
c) Lain-lain / others																	
BAHAGIAN D: PENGESAHAN DOKTOR CERTIFICATION BY MEDICAL OFFICER <i>* Sila tandakan (/) dalam kotak berkenaan</i> <i>* Please (/) in appropriate column</i>																	
<p>Saya mengesahkan bahawa pada hari ini (tarikh / date) telah memeriksa individu yang bernama : <i>I certify that I have examined the candidate as below:</i></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;">Nama Penuh <i>Full name</i></td> <td></td> </tr> <tr> <td>No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No.</i></td> <td></td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center; padding-top: 5px;">dan mendapati beliau <i>and found he / she</i></td> </tr> <tr> <td style="vertical-align: top;"> </td> <td>Tidak menghidap apa-apa penyakit dan disahkan sihat <i>Good health condition</i></td> </tr> <tr> <td style="vertical-align: top;"> </td> <td>Menghidapi komplikasi perubatan berikut: <i>Having the following medical complication(s):</i></td> </tr> <tr> <td style="vertical-align: top;"> </td> <td>Sedang menerima rawatan <i>Undergoing treatment</i></td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="height: 40px; vertical-align: top;">Tandatangan & Cop Rasmi Doktor <i>Doctor's Signature & Official Stamp</i></td> </tr> </table>				Nama Penuh <i>Full name</i>		No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No.</i>		dan mendapati beliau <i>and found he / she</i>			Tidak menghidap apa-apa penyakit dan disahkan sihat <i>Good health condition</i>		Menghidapi komplikasi perubatan berikut: <i>Having the following medical complication(s):</i>		Sedang menerima rawatan <i>Undergoing treatment</i>	Tandatangan & Cop Rasmi Doktor <i>Doctor's Signature & Official Stamp</i>	
Nama Penuh <i>Full name</i>																	
No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No.</i>																	
dan mendapati beliau <i>and found he / she</i>																	
	Tidak menghidap apa-apa penyakit dan disahkan sihat <i>Good health condition</i>																
	Menghidapi komplikasi perubatan berikut: <i>Having the following medical complication(s):</i>																
	Sedang menerima rawatan <i>Undergoing treatment</i>																
Tandatangan & Cop Rasmi Doktor <i>Doctor's Signature & Official Stamp</i>																	

Note: In completing this form, particular attention should be paid to the following points: -

- a) X-ray of chest to rule out any tuberculosis or chronic pulmonary disease; where the film is entirely normal it needs not be forwarded, but if any abnormality is noted the film should be sent with this report.
- b) Kidneys – no evidence of renal lesion should be present
- c) Eyesight – severe errors of refraction should be not be passed as these should only give trouble during the years of study.
- d) Hearing – deafness should be considered a definite bar

IKRAR PELAJAR DAN LEPAS TANGGUNG

(A) IKRAR

Bahawa sesungguhnya saya No. Kad Pengenalan berikrar akan mengikuti segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak **Kolej Komuniti** dari semasa ke semasa serta syarat-syarat yang ditetapkan untuk sesuatu kursus yang saya ikuti. Saya juga berjanji tidak akan melibatkan diri dalam apa jua aktiviti yang tidak diingini, yang akan mencemarkan nama baik Kolej Komuniti. Jika saya didapati melakukan kesalahan seperti di atas semasa saya masih menjadi pelajar, saya dengan rela hati sedia menerima sebarang hukuman yang diputuskan oleh pihak Kolej Komuniti, termasuk diberhentikan dari menjadi pelajar, dan ibubapa atau penjaga saya, tidak akan membuat sebarang bantahan ke atas hukuman yang diambil terhadap saya.

(B) LEPAS TANGGUNG

1. Saya sebagai seorang pelajar Kolej Komuniti perlu mengikuti semua aktiviti pembelajaran dan kokurikulum yang berkaitan sepanjang saya di Kolej Komuniti. Aktiviti ini termasuk juga latihan industri dan lawatan sambil belajar anjuran pihak Kolej Komuniti dari semasa ke semasa.
2. Saya faham bahawa semasa menjalani semua aktiviti pembelajaran dan kokurikulum yang berkaitan, sekiranya berlaku kecederaan pada diri saya dan/atau kehilangan atau kerosakan pada harta benda, adalah tanggungjawab saya sendiri. Saya dan ibubapa/penjaga saya tidak akan membuat sebarang aduan, bantahan dan tuntutan yang terbit daripada aktiviti tersebut. Maka dengan ini saya melepaskan tanggungan pihak Kolej Komuniti, dan Kementerian Pendidikan Tinggi dan wakil-wakilnya, kakitangan dan pekerja-pekerja daripada segala tindakan dan tuntutan yang terbit daripada aktiviti tersebut.

Tarikh: Tandatangan Pelajar

Disahkan oleh: Disaksikan:
Tandatangan Saksi
Tandatangan Ibu / Bapa /
Penjaga*

Nama: Nama:

Nombor KP: Cop Jawatan

Tarikh: Tarikh:

Senarai Saksi:

Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Semua pegawai kerajaan Gred 41 dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah / Badan Berkanun. Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat / Penyelia Pembangunan Mukim (PPM).

**KEBENARAN IBU/BAPA/PENJAGA UNTUK RAWATAN PEMBEDAHAN
KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Pengarah

.....,
.....,
.....,

Saya
(*Nama Ibu / Bapa / Penjaga*)

No. KP: ibu/bapa/penjaga* kepada pelajar bernama
No. KP:
(*Nama pelajar*) (Pelajar)

yang sedang belajar di Kolej Komuniti dengan ini memberi kebenaran kepada tuan atau wakil tuan untuk mengambil sebarang tindakan yang perlu, bersabit dengan rawatan pembedahan yang mungkin diperlukan sekiranya anak/jagaan saya jatuh sakit atau ditimpa kemalangan.

Dalam masa kecemasan sila hubungi saya di nombor telefon berikut:

1. No. Telefon rumah :
2. No. Telefon waris/jiran :
3. No. Telefon Balai Polis / Penghulu / Ketua Kampung / Penggawa :

..... Disaksikan:
Tandatangan Ibu / Bapa / Penjaga* Tandatangan Saksi

Nama: Nama:
Nomor KP: Cop Jawatan

Tarikh: Tarikh:

Senarai Saksi:

Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Semua pegawai kerajaan Gred 41 dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah / Badan Berkanun. Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengurus Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat / Penyelia Pembangunan Mukim (PPM).

AKUAN PELAJAR

Saya

